

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ANYI NGAU [ BARAM ]**

**TARIKH : 9.7.2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 137**

minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan jumlah ‘*Point of Sales*’ di kawasan Baram serta jumlah peruntukan kewangan yang terlibat untuk pengangkutan barang dalam program penyelarasan harga barang di dalam tahun 2019

**JAWAPAN**

**Yang Di-Pertua,**

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna masih meneruskan inisiatif Program Penyeragaman Harga pada tahun 2019. Seperti tahun sebelumnya, Kerajaan menanggung kos penghantaran barang-barang keperluan asas seperti **beras, tepung gandum, minyak masak paket 1kg, gula pasir, gas petroleum cecair (gas memasak), petrol RON95 dan diesel** ke kawasan pedalaman di Sabah, Sarawak dan Semenanjung.

Pada tahun ini, sebanyak **154 buah Point of Sales (POS)** di **128 kawasan Baram** telah terlibat dalam Program Penyeragaman Harga. Pelaksanaan Program ini di Sarawak khususnya melibatkan jumlah peruntukan sebanyak RM82 juta. Menerusi peruntukan tersebut, sebanyak **RM12 juta** diperuntukkan bagi pengangkutan barang ke kawasan Baram, Sarawak.

Melalui Program ini, jurang harga di antara kawasan bandar dan pedalaman Sarawak dapat dikurangkan sekaligus membolehkan penduduk mendapat barang keperluan asas pada harga kawalan yang seragam seperti di seluruh negara. Di samping itu, keadaan terputus bekalan juga dapat dibendung melalui Program ini.

Sekian, terima kasih.